

# Dana pelaburan syariah AS\$681j masuk akaun Najib

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com. my

**KUALA LUMPUR:** Pegawai penyiasat skandal dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam bahawa dana yang sepatutnya dimasukkan ke akaun SRC International Sdn. Bhd. untuk pelaburan syariah didepositkan ke dalam akaun peribadi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin berkata demikian berdasarkan satu surat dihantar Ketua Pegawai Eksekutif SRC International, Nik Faisal Ariff Kamil kepada Tanore.

Tanore Finance adalah syarikat dikawal sekutu Jho Low iaitu Eric Tan Kim Loong.

Berdasarkan keterangan saksi sebelum ini, Tanore memindahkan AS\$681 juta ke dalam akaun bank peribadi bekas perdana menteri itu.

**"Keterangan saksi sebelum ini, Tanore memindahkan AS\$681 juta ke dalam akaun bank peribadi bekas perdana menteri itu."**

SRC International adalah syarikat subsidiari 1MDB.

"Berdasarkan satu surat dihantar oleh Nik Faisal Ariff Kamil wakil dari SRC International Sdn. Bhd. (SRC) kepada Tanore bertarikh 18 March 2013, terdapat satu *Mudharabah Agreement* yang dimeterai antara Tanore dan SRC.

"Di dalam perjanjian tersebut dinyatakan bahawa Tanore perlu menyediakan wang kepada SRC untuk SRC melaburkan

wang ke dalam pelaburan yang berlandaskan syariah. Di dalam perjanjian ini juga dinyatakan bahawa wang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun SRC pada atau sebelum 25 Mac 2013.

"Namun, butiran akaun yang diberikan di dalam perjanjian tersebut adalah nombor akaun berakhir 9694 atas nama pemilik AmPrivate Banking-MR. Pemilik sebenar akaun ini adalah Datuk Sri Najib," kata saksi pendakwaan ke-49 itu.

Terdahulu, Nur Aida menyatakan Najib tidak membenarkan Mohd. Hazem untuk membawa balik bon AS\$3 bilion yang diterbitkan dalam perjanjian usahasama dengan pihak Aabar PJS bagi membiayai keperluan syarikat 1MDB walaupun telah diminta berulang kali oleh bekas CEO itu.

"Jho Low menyampaikan arahan bahawa dana ini tidak boleh dibawa pulang kerana ia adalah untuk kegunaan dana pilihan raya UMNO. Mohd. Hazem per-

nah memaklumkan perkara ini kepada (Allahyarham) Datuk Azlin Alias (bekas Setiausaha Sulit Najib) dan Pengerusi 1MDB Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk memanjangkan perkara ini kepada Datuk Sri Najib.

"Bagaimanapun, Datuk Sri Najib tidak membenarkan dana ini dibawa pulang dan tiada sebab yang jelas diberikan," kata Nur Aida.

Kanya, Mohd. Hazem selaku CEO 1MDB dan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB GIL tidak mempunyai akses dan kawalan ke atas dana yang diterbitkan daripada bon ini.

Najib kini sedang dibicarakan atas empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Jumaat ini (26 Januari).